HUBUNGAN LUAR KESULTANAN MELAYU KEDAH MENERUSI SURAT RAJA-RAJA, 1882-1911

Haslindawati Saari
Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim (IPSAH)
haslindawati@ipsah.edu.my

Abstrak

Koleksi Surat Raja-Raja (SRR) ini merupakan dokumen kerajaan negeri Kedah yang baru ditemui dan ditranskripsi oleh Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/ Perlis. SRR, sebagaimana juga koleksi Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH), merupakan dokumen mengenai Kesultanan Melayu Kedah yang berada di bawah dua kuasa asing iaitu Siam dan kemudiannya, British. Berdasarkan penelitian terhadap **1083** pucuk surat yang terkandung dalam koleksi ini, pelbagai isu dan konflik yang melanda Kedah untuk tempoh 1882 hingga 1911 dikenalpasti dan dianalisis. Namun di sebalik isu dan konflik ini, koleksi SRR ini mendedahkan kegigihan sultan dan para pembesar negeri menyusun atur pentadbiran negeri dan mewujudkan kompromi dengan pihak Siam dan British agar kedudukan mereka terus kukuh dan juga dapat mengekalkan negeri Kedah sebagai negeri Melayu yang berdaulat. Selain hubungan dengan pihak Siam dan British, Kesultanan Melayu Kedah melalui Sultan Abdul Hamid dan kaum kerabat baginda turut menjalinkan hubungan akrab dengan kerajaan Perak, Perlis, Setul serta beberapa wilayah Siam seperti Singgora, Yala, Raman dan Patani. Hubungan luar Kedah disulami dengan aktiviti pelayaran dan lawatan yang kerap dilakukan oleh pemerintah Kedah ketika itu. Di sebalik bertujuan mengeratkan hubungan dan menjamin keamanan negeri, siri lawatan ini juga dapat memberi idea-idea baru kepada pemerintah Kedah untuk pembangunan negeri. Keadaan inilah yang diperlukan oleh Sultan Abdul Hamid dan pembesar Kedah yang lain agar kedaulatan Kedah terus terpelihara dan negeri Kedah terus membangun mengikut acuan tempatan. Meskipun tidak semua hal dilaporkan atau terkandung dalam koleksi SRR, dapatan kajian ini mendapati SRR merupakan dokumen tempatan yang dapat memberi keseimbangan atau maklumat-maklumat baru yang tidak terkandung dalam laporan-laporan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak British.

Kata Kunci: *Surat Raja-Raja, Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, hubungan luar Kedah, kedaulatan negeri Kedah, pentadbiran negeri Kedah.*

HUBUNGAN LUAR KESULTANAN MELAYU KEDAH MENERUSI SURAT RAJA-RAJA, 1882-1911[1]

PENGENALAN

Sultan Abdul Hamid yang memerintah Kedah dari tahun 1882 hingga 1943 adalah pemimpin yang berusaha mengekalkan kedaulatan negeri Kedah. Hubungan luar Kedah disulami dengan aktiviti pelayaran dan lawatan yang kerap dilakukan oleh sultan dan pembesar negeri Kedah. Di sebalik bertujuan mengeratkan hubungan, siri lawatan ini juga dapat memberi idea-idea baru untuk pembangunan negeri selain membantu melicinkan urusan pentadbiran negeri. Sememangnya, menerusi Surat Raja-Raja (SRR) pelbagai maklumat ditonjolkan yang menunjukkan kerajaan negeri Kedah memperoleh manfaat menerusi lawatan diplomatik terutamanya kepada pemodenan pentadbiran dan kedaulatan negeri Kedah.[2]

Hubungan Kedah-Siam

Bagaimanakah Sultan Abdul Hamid dan pimpinan Kedah lain mengekalkan kedaulatan negeri Kedah walaupun berada di bawah naungan Siam? Hubungan Kedah-Siam dikatakan terjalin begitu lama. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, Kedah menetapkan dasar hubungan luarnya yang berbaik-baik dengan semua pihak terutamanya berhubung dengan Siam.[3] Keakraban Sultan Abdul Hamid dengan pihak Siam jelas terbukti apabila baginda dikurniakan bintang 'Order the White Elephant First Class' bersama gelaran Chao Phya Saiburi. Malah, pada

---

[1] Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu pada 29 September 2016 di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.

[2] Peringkat awal, hubungan diplomatik dijalinkan menerusi pelbagai siri lawatan ke Bangkok dan beberapa wilayah Siam yang lain seperti Patani, Yala, Raman serta Singapura, London, Bombay, Mandalay, Rangoon, Pulau Pinang dan Perak. Lihat Ismail Hj Saleh, Negeri Kedah di Zaman Pembaharuan Pemodenan dan Pembangunan, *S175*, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/ Perlis, ms. 4.

[3] Kedah dikatakan berada di bawah Siam sejak zaman kerajaan Sukhotai tetapi tidak banyak maklumat sejarah tentang fakta ini. Sumber pensejarahan Kedah iaitu Hikayat Merong Mahawangsa menganggap Raja Siam dan Kedah adalah bersaudara. Keakraban antara Sultan Kedah dengan Maharaja Siam ditunjukkan melalui kesanggupan Sultan Abdul Hamid mengiringi Maharaja Siam dalam satu lawatan diraja ke Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Singapura, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Songkhla. Rujuk Kobkua Suwannathat-Pian, Kedah-Siamese Correspondence 1890-1898, *JMBRAS*, Vol. 55, Part 1, 1892, ms. 63 dan Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), ms. 30.

tahun 1897, baginda juga dianugerahkan pangkat 'Chao Phya Riddisongkram Bakti' dan dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi Setul dan Perlis.[4] Walaupun hal penganugerahan ini tidak dicatatkan dalam SRR tetapi maklumat tentang peranan Kedah sebagai 'Monthon' disebut dalam Surat-Surat Kepada Raja-Raja 2 (SSKRR 2).[5] Surat bertarikh 1 Zulhijjah 1314H (2 Mei 1897M) mencatatkan maklumat tentang penyatuan Kedah, Perlis dan Setul di bawah satu 'Monthon'. Malah, selepas itu, segala surat menyurat daripada pihak Siam kepada Perlis dan Setul adalah melalui Kedah terlebih dahulu. Hal ini menunjukkan Kedah semakin menghampiri matlamatnya iaitu mendapatkan kembali Perlis dan Setul.

Kemudian, kunjungan demi kunjungan kerap dilakukan oleh pemimpin Kedah. Selain Sultan Abdul Hamid, pemimpin negeri Kedah yang lain juga sering berulang alik ke Siam atas urusan rasmi Kedah. Misalnya, pemergian Tunku Abdul Aziz dan Wan Muhammad Saman ke Siam atas urusan memohon kembali Perlis dan Setul untuk berada di bawah kekuasaan Kedah.[6] Selain itu, surat bertarikh 7 Zulkaedah 1314H (2 April 1897M) melaporkan tentang rancangan Sultan Kedah untuk memujuk Maharaja Siam membawa wakil Kedah ke Eropah bersama-sama supaya dapat mempelajari selok belok pentadbiran bercorak Barat.[7] Hal ini menunjukkan bahawa Sultan Abdul Hamid adalah pemerintah yang bijak kerana menggunakan hubungan peribadinya

---

[4] Che Mohd Hassan Kerani Mohd Ashad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman*, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, ms. 123. Ramai anak-anak Sultan Abdul Hamid menjadi anak angkat kepada Maharaja Siam dan perkara ini menjadikan Sultan Abdul Hamid dengan keluarga diraja Bangkok bertambah akrab. Kedah menjadi satu-satunya negeri naungan yang rapat dengan pimpinan utama Siam. Rujuk Kobkua Suwannathat-Pian, Thai-Malay Relations: A Study of Tradisional Intra-Regional Relations From the 17th to the Early 20th Century, Degree of Doctor of Philosophy, (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1986), ms. 242.

[5] Pada 7 April 1897, Menteri Dalam Negeri Siam telah mengisytiharkan pembentukan Monthon Saiburi yang meletakkan Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya Penguatkuasaan yang bermaksud negeri Kedah diberi kuasa untuk mengawal Perlis dan Setul. Hakikatnya, dari kacamata Bangkok, Monthon merupakan rancangan kerajaan Siam untuk kerjaan pusat mengetatkan kawalan ke atas naungan-naungannya di selatan. Ianya juga merupakan langkah untuk mengatur semula sistem pentadbiran kewilayahan Siam. Tempoh selepas 1892 sehingga menejlang 1900, terdapat 14 buah Monthon yang dibentuk semuanya. Lihat Julie Tang Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957/ History of the Kingdom of Perlis 1841-1957*, MBRAS, Monograph No. 32, 2002, ms. 105 dan *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, "Surat Duli Yang Maha Mulia beri kepada Syed Sofi Raja Perlis pasal panggil ia mari ke Kedah ini hendak dibaca surat tera pasal negeri Perlis dan Setul yang Duli Maha Besar Siam ampun kurniai beri jadi satu dengan negeri Kedah ini adanya tamat", ms. 346.

[6] Tunku Abdul Aziz dilaporkan telah melawat Bangkok sekitar tahun 1890-1897. Begitu juga dengan Wan Muhammad Saman, seperti yang dilaporkan dalam kebanyakan surat-menyurat, kerap ke Kota Siam bagi mengikuti pelbagai lawatan anjuran pihak Siam. Lihat Kobkua Suwannathat-Pian, Kedah-Siamese Correspondence 1890-1898, *JMBRAS*, Vol. 55, Part 1, 1892, ms. 63.

[7] *Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, "Surat Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia beri kepada Tunku Abdul Aziz Raja Muda Yang Maha Mulia di benua Siam pasal sudah mengadap Raja Maha Besar Siam", ms. 320-321.

bagi menjayakan sesuatu rancangan. Di sebalik kekerapan lawatan yang diadakan, baginda mengambil kesempatan dengan meniru idea-idea luar untuk pembangunan negeri Kedah.

Jika diteliti beberapa surat-menyurat menerusi koleksi SRR, lawatan diplomatik yang melibatkan urusan rasmi kerajaan turut berkaitan cadangan, tindakan, rancangan dan keputusan sesuatu perkara yang melibatkan pentadbiran, ekonomi dan sosial negeri Kedah. Hubungan yang erat dan kekerapan mengunjungi Bangkok, begitu juga dengan pihak Siam yang memberi reaksi positif apabila pihak Bangkok sering melawat Kedah. Hal ini terbukti melalui surat kiriman yang bertarikh 22 Safar 1313H (13 Ogos 1895M)[8] apabila pihak Siam juga sering menghantar wakilnya melawat Kedah. Perkara ini terbukti menerusi SRR seperti surat kiriman bertarikh 14 Rabiulawal 1306H (18 November 1888M) yang berbunyi "……sepucok surat Raja Perlis sampai kepada paduka ayahanda serta dengan rakyat-rakyat daripada fasal Prak Nurak yang hendak mari ke Kedah….".[9] Sememangnya kunjungan sebegini memberi manfaat bagi kedua-dua pihak terutamanya Kedah yang berusaha mengekalkan kedaulatannya. Persoalannya pula, adakah kunjungan daripada pihak Siam sebagai salah satu langkah untuk mengawal negeri Kedah secara tidak langsung? Walaupun demikian, bagi mengelak campur tangan yang serius dari pihak Siam, pemerintah Kedah sentiasa memaklumkan segala urusan pentadbiran negeri kepada Bangkok.

Kebanyakan surat-surat kiriman daripada pihak Siam sering membincangkan hal ehwal pentadbiran negeri Kedah sama ada dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Adakalanya pihak Kedah sendiri meminta pandangan atau pendapat untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalaman negeri. Misalnya, surat kiriman yang bertarikh 15 Rejab 1307H (6 Mac 1890M) mencatatkan tentang permohonan Residen British di Perak berkaitan pembinaan paip air dari Bukit Panchor (daerah Kerian, Kedah) hingga Parit Buntar (Perak). Menerusi surat ini, disebut juga tentang pemerintah Kedah (kemungkinan besar pemimpin tersebut merujuk kepada Sultan Abdul Hamid) telah meminta pandangan pihak Siam sebelum membuat keputusan mengenai perkara ini. Malah, pihak Siam turut mencadangkan pula supaya dikenakan sewaan sebagai tanda air yang disalurkan ke Parit Buntar datangnya dari negeri Kedah.[10] Tidak dapat dipastikan sama

[8] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, "Rencana surat beri kepada Tunku Yaakob pasal Duli Yang Maha Mulia sudah sampai di Singgora dan hendak belayar ke Bangkok adanya tamat", ms. 17.
[9] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, ms. 21.
[10] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, "Rencana surat beri kepada Tunku Yaakob daripada fasal hendak jawab surat Residen fasal air di Bukit Panchor", ms. 97.

ada jawapan yang diberikan daripada pihak Siam ini adalah berbentuk pandangan atau arahan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri Kedah akur dengan cadangan tersebut.

Pihak Kedah juga sering menerima arahan-arahan daripada kerajaan Siam dan lebih ketara selepas penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri pada tahun 1905. Menurut Mohd Isa Othman, pihak Siam dikatakan menunggu peluang untuk campur tangan dengan lebih luas dalam pentadbiran negeri Kedah. Malah, penubuhan Majlis juga sebagai 'tali pengikat' kepada golongan elit Kedah supaya setia dan patuh kepada kerajaan Bangkok.[11] Kenyataan ini mungkin ada kebenarannya apabila sepucuk surat yang ditulis pada 19 Muharram 1323H (25 Mac 1905M) menjelaskan bahawa pihak Siam melarang rakyat Kuala Kedah menangkap ikan di kawasan Pulau Keempat (terletak dalam daerah Yan) melainkan dengan kebenaran pemajak pulau berkenaan.[12] Surat ini menjelaskkan bahawa terdapat aduan daripada pemajak Pulau Keempat kepada pihak konsul Siam di Pulau Pinang dan aduan ini mendapat perhatian pihak Siam. Kemudiannya, Kedah akur dengan arahan tersebut dan Wah Abdullah sebagai ketua di Kuala Kedah diarahkan oleh Sultan Abdul Hamid untuk melaksanakan arahan tersebut.

Dasar kawalan Siam ke atas Kedah berterusan sehingga penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri dan kandungan surat-menyurat menerusi koleksi SRR mendedahkan beberapa perkara tentang kenyataan ini.[13] Malah, dikesan beberapa pucuk surat kiriman daripada Mohamad Ariffin kepada kerani yang berkhidmat di pejabat konsul Siam Pulau Pinang menyebut tentang beberapa perjanjian berkaitan pembukaan kawasan perlombongan dan hal ini turut menjadi perhatian pihak Siam. Kebenaran membuka kawasan perlombongan bukan sahaja dikeluarkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri tetapi perlu juga mendapat kebenaran daripada pihak Siam. Sekiranya perjanjian dimenterai, salinan surat perjanjian tersebut perlu diserahkan kepada pihak Siam di

---

[11] Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2001), ms. 103 & 106.

[12] Pulau Keempat terdiri daripada Pulau Bidan, Pulau Songsong, Pulau Bunting dan Pulau Telur. Lihat *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, "Rencana surat Duli Yang Maha Mulia beri kapada New Brono Konsol Siam Pulau Pinang fasal sudah beri hukom larangkan orang memukat dekat-dekat Pulau Ke Empat tamat", ms. 270.

[13] Krisis kewangan yang melanda Kedah telah membawa kepada penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri seperti mana kehendak Siam. Sebenarnya pihak Siam sendiri dikatakan menunggu peluang untuk campur tangan lebih luas dalam pentadbiran Kedah ekoran minat yang bertambah dalam kalangan kuasa Barat untuk mengembangkan pengaruh mereka di utara Tanah Melayu. Bangkok beranggapan keadaan tidak stabil di Kedah akan membuka ruang yang lebih kepada kuasa Barat untuk campur tangan di Kedah. Lihat Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*, ms. 106.

Bangkok. Hal ini terbukti melalui surat kiriman yang bertarikh 12 Safar 1323H (17 April 1905M).[14] Situasi ini jelas menunjukkan bahawa pihak Siam semakin berminat untuk mencampuri urusan pentadbiran negeri Kedah manakala Kedah pula berusaha memenuhi kehendak Siam agar kuasa asing berkenaan tidak mengenakan sebarang cengkaman ke atas Kedah.

Selain itu, berdasarkan catatan dan maklumat yang terkandung dalam SRR, hubungan diplomatik antara Kedah dengan pihak Siam turut membabitkan urusan kewangan. Keakraban dalam hubungan memberi ruang kepada wakil pihak negeri Kedah membuat permohonan pinjaman kewangan. Situasi ini berlaku demi menampung kos perbelanjaan dan hutang yang semakin meningkat. Walaupun butiran lengkap mengenai pinjaman antara kerajaan Kedah dengan kerajaan Siam tidak diperoleh melalui SRR tetapi terdapat beberapa surat-menyurat yang terkandung dalam SRR1 membuktikan situasi kewangan negeri Kedah yang agak genting. Misalnya, surat bertarikh 7 Safar 1306H (13 Oktober 1888M) menyebut tentang masalah kekurangan wang untuk membayar gaji pekerja yang sudah lama tertangguh.[15]

Sehingga 1909, Kedah terhindar daripada cengkaman kolonialisme British dengan adanya Siam sebagai penaung negeri Kedah.[16] Perhubungan naungan antara Siam dengan Kedah pada asasnya memerlukan pemimpin negeri Kedah menentukan suasana yang sesuai kepada kestabilan negerinya. Seperti zaman-zaman sebelumnya, Sultan Abdul Hamid turut menghantar bunga emas dan perak kepada Maharaja Siam setiap tiga tahun sekali.[17] Terdapat beberapa pucuk surat yang menyentuh tentang bunga emas walaupun tidak secara terperinci. Misalnya, surat yang ditulis pada tarikh 4 Muharram 1306H (10 September 1888M) memaklumkan tentang kapal

---

[14] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, "Rencana surat Cik Mohamad Ariffin beri kapada kerani Mohamad Yusuf konsol Siam Pulau Pinang fasal Master Arwik persembah sepucok surat pintak kebenaran hendak perbuat kerja Klian di atas tanah Kudin tamat", ms. 272.

[15] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, "Rencana surat beri pada Tunku Thiaudin dan Tunku Yusof jawab fasal ia tanya rial belanja yang tertahan dahulu daripada mesyuarat perbuat estimate itu", ms. 15.

[16] Zaini Mariah, Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid T.H 1323-1325 / T.M 1905-1907 (No. 10), Sebagai Sumber Kajian Politik dan Pentadbiran Kedah Sezaman, HSM 411 Dokumen-Dokumen dalam Sejarah Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1993, ms. 22-25.

[17] Pada tahun 1881, arahan daripada 'Kalahom' kepada Pemangku Raja Kedah, sebagai tanda negeri naungan memberi taat setia kepada Bangkok, sekali sekala pimpinan Kedah perlu ada masa untuk datang mempersembahkan sendiri bunga emas dan perak kepada Maharaja Bangkok. Lihat Kobkua Suwannathat-Pian, Thai-Malay Relations: A Study of Tradisional Intra-Regional Relations From the 17th to the Early 20th Century, ms. 241.

yang berlabuh di Singgora untuk mengambil bunga emas dari Kedah.[18] Kemudian, surat bertarikh 2 Rabiulakhir 1306H (16 Disember 1888M) pula mendedahkan tentang kepulangan rombongan menghantar bunga emas ke Siam pada 30 Rabiulawwal 1306H (4 Disember 1888M).[19] Penghantaran bunga emas ke Siam terhenti apabila Kedah berada di bawah kekuasaan British. Surat yang bertarikh 1 Zulkaedah 1327H (13 November 1909M) menjelaskan bahawa,

> *"Ehwal beta bermaalumkan adalah pohon bunga emas dan pohon bunga perak tahun 1327 ini serta dengan perkakas penantiannya itu maka pada tahun 1327 ini beta tiada boleh hendak sembah pergi ke Bangkok itu. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Raja Benua Siam suda….. dengan negeri Kedah pada kerajaan Duli Yang Maha Besar Raja Benua Inggeris, maka sekarang ini bunga emas dan pohon bunga perak yang sudah disediakan itu niat beta hendak persembah pada ka bawah Duli Yang Maha Besar Raja Benua Inggeris maka inilah beta muafakat dengan Tuan Konsol……".*[20]

Jelaslah bahawa selepas Kedah diserahkan kepada British pada tahun 1909, penghantaran bunga emas dan bunga perak ke Siam dihentikan serta merta. Malah, penghantaran bunga emas ke Singgora sebagai destinasi perantara antara Kedah dengan Bangkok beralih kepada Singapura sebagai destinasi perantara antara Kedah dengan Britain.[21]

---

[18] Penghantaran bunga emas melalui Singgora turut disebut dalam *Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid* T.H 1304-1312 T.M 1886-1894 No. 2, "Rencana surat beri kepada Wan Ahmad Luang Padipak Pachekuan dari fasal bunga emas Kedah sudah berjalan pergi ke Senggora pada hari Khamis 7 haribulan Safar 1312", ms. 502.

[19] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, "Rencana surat beri pada Tunku Yusoff pintak sila mari ke Kedah hendak sambut surat tra fasal balas bunga emas perak dan terima persalinan", ms. 26.

[20] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, ms. 310.

[21] Penyerahan bunga emas dari Kedah yang terakhir telah diberikan kepada pihak British dan hal ini diakui melalui *CO 273/351* Offering of Bunga Emas, Kedah. Melalui laporan pihak British, tertera sepucuk telegram daripada Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Setiausaha Negara Kolonial tentang bunga emas berkenaaan. Selain itu, Tunku Mahmud selaku Presiden Majlis Mesyuarat Negeri telah menulis surat tentang persediaan negeri Kedah untuk menghantar bunga emas ke Singapura. Perincian mengenai bunga emas yang terakhir ini, rujuk Mustaffa Tam & Tunku Nong Jiwa, The Last Kedah Bunga Emas, *Journal of the Malaysian Historical Society*, Volume 22, 1979, ms. 156-157.

Sikap berhati-hati pemerintah negeri Kedah juga dijelaskan melalui isu tanah.[22] Terdapat beberapa pucuk surat-menyurat menerusi SRR melaporkan beberapa perkara berkaitan dengan urusan tanah dan sebarang isu mengenai urusan tanah turut dimaklumkan kepada pihak Siam. Misalnya, terdapat permohonan daripada beberapa pewaris yang bernama Lim Tu Chik dan Ku Bung Keng yang memohon untuk memindahmilikkan sembilan lot tanah di Kulim milik Tan Alak yang telah meninggal dunia kepada mereka. Permohonan ini turut dimaklumkan kepada pihak konsul Siam di Pulau Pinang melalui surat bertarikh Jamadilakhir 1317H (Oktober 1899M).[23]

Selain makluman mengenai jenayah dan tanah, isu pendidikan juga turut disuarakan kepada pihak Siam. Aspek pendidikan sememangnya dititikberatkan oleh pemimpin negeri terutamanya Sultan Abdul Hamid sendiri. Menerusi SRR, tercatat tentang perihal Sultan Abdul Hamid meminta pertolongan daripada konsul Siam di Pulau Pinang untuk berhubung dengan konsul Siam di Eropah bagi menjaga kebajikan 'dua orang budak belajar perbuat kulit-kulit" (kemahiran melapah binatang) semasa berada di Eropah.[24] Surat bertarikh 1 Rabiulawal 1318H (28 Jun 1900M) ini menjelaskan bahawa pemimpin negeri mengambil berat tentang masa depan rakyatnya dan menghantar mereka untuk mempelajari sesuatu kemahiran di luar negara.

Pentadbir negeri Kedah juga bertanggungjawab melaporkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi negeri Kedah. Menerusi SRR, terdapat puluhan surat-menyurat yang menunjukkan pemerintah Kedah sentiasa melaporkan kepada pihak Siam mengenai hal ehwal ekonomi termasuk hasil mahsul wilayah Setul dan Perlis. Surat bertarikh 8 Rabiulawal 1318H (5 Julai 1900M) mencatatkan tentang penyerahan hasil sarang burung serta perak bagi wilayah Setul sebanyak $4025.10 dan bayaran tetap sebanyak $500.00 kepada kerajaan Siam.[25] Kedua-dua maklumat ini dimaklumkan sendiri oleh Sultan Abdul Hamid kepada A.D. Neubronner di

---

[22] Dalam politik kerajaan tradisional, tanah ditetapkan sebagai hak raja atau sultan yang memerintah. Justeru, rakyat boleh mengusahakan tanah ini setelah mendapat izin sultan. Rujuk Nik Haslinda Nik Hussain, Undang-Undang Tanah di Kelantan, 1881-1941: Kesannya Terhadap Sistem Hak Milik Tanah Orang Melayu, dlm. *Kelantan: Dahulu dan Sekarang*, (ed.) Abdullah Zakaria & Zahir Ahmad, (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 2007), ms. 165.

[23] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, "Rencana surat Tunku Raja Muda Yang Maha Mulia beri kapada Tuan New Brono Konsol Siam Pulau Pinang fasal tanah Tan Alak yang ia pintak itu hendak beri pada Gu Yongkong", ms. 31.

[24] Maksud belajar 'perbuat kulit-kulit' adalah mempelajari kemahiran melapah dan menyiat kulit binatang.

[25] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, ms. 103 & 111.

Pulau Pinang. Surat-menyurat ini membuktikan bahawa pendapatan kerajaan Siam turut diperoleh daripada wilayah naungannya seperti Setul sebagai salah satu sumber pendapatan negaranya dan kerajaan Kedah bertanggungjawab memastikan Setul akur dengan perintah Siam. Berdasarkan penelitian ke atas SRR, sememangnya menampakkan pihak Kedah sentiasa memaklumkan perjalanan pentadbiran negeri. Walaupun demikian, perhubungan naungan antara Siam dengan Kedah, tidak melemahkan kedudukan sultan tetapi turut mengukuhkan pemerintahan baginda. Sultan Abdul Hamid sentiasa berhati-hati dalam membuat sebarang dasar dan keputusan yang melibatkan pentadbiran negeri.

Hubungan Kedah-British

Perkembangan hubungan luar Kedah dengan pihak British telah lama berlangsung. Pada peringkat awal, hubungan ini lebih banyak tertumpu kepada hal-hal perdagangan. Menurut Mohd Isa Othman, hubungan British dengan Negeri-Negeri Melayu Utara tidak menentu dan sering berubah-ubah.[26] Menerusi SRR, pengaruh British telah kukuh di Kedah terutamanya semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid lagi. Misalnya, kerajaan Siam telah menghantar Penasihat Kewangan Kedah yang berbangsa Inggeris seperti W.F. Williamson yang kemudiannya digantikan dengan G.C. Hart pada Ogos 1905. Kemudiannya Meadow Frost ditugaskan di Kedah sebagai Konsul British pada 24 Januari 1906.[27] Selain Meadow Frost, berdasarkan SRR, dikesan beberapa pegawai British lain pernah berkhidmat di Kedah. Misalnya, George Maxwell (Superintendent Polis),[28] J. Gorman (Jurutera Kerajaan Kedah),[29] Mitchell (Pesuruhjaya Polis) dan lain-lain lagi.[30] Situasi ini dan kaitannya dengan hubungan baik antara Sultan Kedah dengan pihak British banyak ditemui menerusi Salinan Surat-Surat Raja-Raja 3 (SSSRR 3).

---

[26] Kedah pernah meminta naungan British sejak abad ke-18 tetapi ditolak. Kedah pernah terpaksa menyerahkan Pulau Pinang (1786) dan Seberang Perai (1800). British juga telah mengiktiraf pertuanan Siam ke atas Kedah. Walaupun secara rasminya British mengakui pertuanan tersebut tetapi para pegawainya yang berada di Tanah Melayu sering bertindak mencampuri urusan dalaman Negeri-negeri Melayu. Lihat penjelasan tentang perkara ini dalam penulisan Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, ms. 114-117.

[27] Rujuk Che Mohd Hassan Kerani Mohd Ashad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman*, ms. 125 dan Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, ms. 80. Pelantikan Meadows Frost ini turut dibincangkan melalui *C.O. 273/333* British Consulate Kedah 17.7.1907.

[28] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, "Rencana surat beri kepada Tunku Mohamad Saad di Kulim fasal suroh jaga baik-baik konsul Siam beri khabar kata hendak perbuat gadoh pulak", ms. 23.

[29] *C.O. 273/333* British Consulate Kedah 17.7.1907.

[30] Sharom Ahmat, *Tradition and Change in A Malay State: A Study of the Economic and Political Development 1878-1923*, ms. 153.

Bagi SRR 1 dan SSKRR 2, walaupun tiada surat kiriman daripada pihak British ditemui tetapi isi kandungan surat-menyurat yang sedia ada jelas menunjukkan terdapat beberapa perbincangan tentang isu-isu tertentu yang membuktikan wujudnya hubungan terutamanya antara Kedah dengan pihak British di Pulau Pinang dan Perak. Kebanyakan isu perbincangan lebih kepada aspek sosioekonomi. Misalnya, seorang warga Inggeris yang bernama I. L. Gordon telah membuat permohonan untuk membuka kelian (lombong) dalam negeri Perlis. Gordon memaklumkan beliau akan tiba di negeri Perlis pada hari Ahad 13 Syaaban 1306H (4 April 1889M) atas urusan tersebut.[31] Malah, dikesan juga beberapa pucuk surat yang menunjukkan hubungan Kedah-British diperkukuhkan dengan lawatan daripada pegawai tinggi British Kedah atas tujuan tertentu. Antaranya, lawatan Tuan Skinner (Allan Maclean Skinner sebagai Residen Kaunselor Pulau Pinang bagi tahun 1887 hingga 1895) ke Kulim dan Selama, Perak.[32] Walaupun tujuan lawatan ini tidak dinyatakan dengan jelas melalui surat bertarikh 5 Zulkaedah 1313H (17 April 1896M) tetapi maklumat ini membuktikan hubungan Kedah dengan British diperkukuhkan dalam pelbagai bentuk.

Selain itu, bagi mengukuhkan hubungan kedua-dua pihak, Sultan Abdul Hamid pernah menghadiahkan tiga bungkal ‘emas kertas’ kepada seorang sahabat yang bernama “F.G.C. Rose Loyer” (tidak dapat dipastikan ejaan sebenar) sempena perkahwinan anak beliau.[33] Maklumat ini dibuktikan melalui sepucuk surat daripada Sultan Abdul Hamid yang bertarikh 24 Syawal 1318H (13 Februari 1901M) dan isi kandungannya menyebut tentang ketidakhadiran sultan ke majlis tersebut kerana berada dalam keuzuran. Namun demikian, untuk tidak mengecewakan sahabatnya, Sultan Abdul Hamid tetap mengirimkan hadiah sebagai pengganti diri. Hal ini membuktikan bahawa Sultan Kedah sentiasa menjaga keutuhan dalam perhubungan walau dalam keadaan apa sekalipun.

---

[31] Dipercayai surat kiriman ini datangnya daripada Sultan Abdul Hamid yang ditujukan kepada Syed Ahmad yang menjadi Raja Perlis ketika itu. Rujuk *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, ms. 63.

[32] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, “Rencana surat Wan Abdullah Haji beri pada Tunku Muhamad Saad di Kulim pasal Tuan Sekinar Residen Konsuler Pulau Pinang hendak pergi ke Kulim naik gajah pergi ke Selama adanya”, ms. 67.

[33] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, “Surat Duli Baginda Yang Maha Mulia beri kepda…di Pulau Pinang fasal beri tiga bungkal emas kertas kepada anaknya ketika kawin adanya tamat”, ms. 133.

Menerusi SSSRR 3, banyak ditemui surat-surat kiriman yang memaparkan hubungan antara Kedah dengan pihak British terutamanya selepas tahun 1909. Kebanyakan surat-surat berkenaan diutuskan kepada Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura iaitu Sir John Anderson. Hal ini menunjukkan jalinan hubungan antara Kedah dengan British bukan sahaja melalui pihak Residen Kaunselor di Pulau Pinang, malah melibatkan wakil British yang berada negeri-negeri Melayu yang lain. Jalinan hubungan antara Kedah dengan Perak turut dikaitkan dengan penglibatan seorang Residen British. Frank Swettenham sebagai Residen British di Perak pernah mengutuskan sepucuk surat yang isi kandungannya dikaitkan dengan perjanjian berkaitan bekalan air dari Bukit Panchor (daerah Kerian, Kedah) hingga ke Parit Buntar, Perak pada September 1889.[34] Permohonan ini mendapat perhatian daripada Sultan Kedah dan satu perjanjian dimeterai antara Kedah dengan Perak.[35]

Setelah termenterainya Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909, W.F. Williamson telah dilantik sebagai Penasihat British (20 Jun 1909). Sebulan kemudian, kerajaan negeri Kedah mendapat pengesahan rasmi daripada Siam yang menjelaskan soal penyerahan negeri Kedah untuk bernaung di bawah kerajaan British. Sepanjang tempoh 1909 hingga 1911, Sultan Abdul Hamid pernah membuat permohonan kepada pihak British berkaitan hal perjawatan yang bertujuan mengukuhkan pentadbiran negeri Kedah di bawah kekuasaan baginda. Melalui SRR, isi kandungan surat-menyurat membuktikan baginda pernah membuat beberapa permohonan mengenai jawatan-jawatan tertentu. Misalnya pelantikan seorang ketua jurutera negeri Kedah berbangsa Eropah,[36] pelantikan Tunku Ibrahim sebagai Inspektor Jeneral dalam Majlis Mesyuarat Negeri Kedah,[37] memohon seseorang yang mahir dalam hal ehwal Pejabat Tanah

---

[34] *Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah* T.H 1308-1313 T.M 1890-1895 No. 5, "Rencana surat beri kepada Tuan Swettenham Residen Perak fasal sudah sain perjanjian fasal air di Bukit Pancur dan hantar kepadanya, ms. 430.

[35] Berdasarkan kedudukan geografi, wilayah Kedah bersempadan dengan kawasan negeri Perak. Kedudukan sempadan ditandai pada Sungai Kerian yang menjadi garis pemisah antara kedua-kedua negeri. Namun, kerja-kerja membersihkan sungai dipertanggungjawabkan kepada kedua-dua kerajaan dan perkara ini dibincangkan melalui surat kiriman pada 6 Mei 1891 dan kata sepakat dibuat dalam sebuah perjanjian pada 17 Oktober 1893. Lihat *Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah* T.H 1308-1313 T.M 1890-1895 No. 5, "Perjanjian pasal air di Bukit Pancur Kerian", ms. 431.

[36] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, "Surat Duli Baginda TuanYang Dipertuan Yang Maha Mulia beri kepada Tuan…. G.S.M. Gavenor Besar di Singapora pintak antar Tuan…hendak dijadikan asistan state ingeniar…..", ms. 317.

[37] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, "Surat Duli Baginda Yang Maha Mulia beri kepada Tuan Yang Terutama Gavenor fasal pintak kebenaran beri Tunku Ibrahim Inspektor General menjadi State Konsul", ms. 322.

Negeri Kedah,[38] memohon perpindahan 'Kida Endersen" dari Perlis ke Kedah untuk menjalankan kerja-kerja bancian dan seorang doktor untuk menggantikan 'Doktor Juso' yang akan bercuti ke Eropah.[39] Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada permohonan ini berjaya atau sebaliknya kerana hal ini tidak diperjelaskan menerusi surat-menyurat yang terdapat di dalam koleksi SRR. Hakikatnya, ketika Kedah berada di bawah naungan British pada tahun 1909, pentadbiran negeri dari aspek politik, ekonomi dan sosialnya mengalami pelbagai perubahan. Pihak British berusaha mencorakkan pentadbiran Kedah mengikut kehendak mereka termasuk merubah struktur kewangan di samping memajukan jaringan sosial di negeri Kedah. Pada masa yang sama, Sultan Abdul Hamid dan pentadbir Kedah yang lain pula sentiasa mewujudkan hubungan baik dengan pihak British. Sekuatmana cengkaman British ke atas Kedah, begitu juga kuatnya keazaman pemimpin tertinggi Kedah untuk memperkukuhkan kedudukan, kuasa dan kedaulatan negeri.

Hubungan Kedah-Perak

Hubungan antara Kedah dengan Perak telah lama terjalin dan kebenaran tentang keakraban kedua buah negeri ini dibuktikan melalui SRR. Walaupun tidak banyak ditemui surat-surat kiriman antara Sultan Kedah dengan Sultan Perak menerusi SRR tetapi sepucuk surat yang diutuskan kepada Sultan Perak ketika itu iaitu Sultan Idris Al-Murshid Al-Azam Shah Almarhum Raja Iskandar Shah (1887-1916),[40] memperlihatkan wujud sekerabat dari aspek hubungan kekeluargaan dan persahabatan antara mereka. Malah isi kandungan surat membuktikan betapa Sultan Kedah mengambil berat tentang saudara jirannya dengan memaklumkan keadaan permaisuri dan putera Sultan Perak semasa mereka tiba di Kedah.[41] Walau bagaimanapun, surat kiriman bertarikh 28 Zulkaedah 1313H (10 Mei 1896M) ini tidak dinyatakan dengan jelas tujuan sebenar kehadiran permaisuri dan putera Sultan Perak ke Kedah.

---

[38] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, "Surat dari Baginda Yang Maha Mulia beri kapada Tuan Yang Terutama Gavenor fasal pintak fasal pintak seorang orang yang pandai menjadi guna tunjok kerajaan opis tanah", ms. 322.

[39] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, "Surat Duli Baginda Yang Maha Mulia beri kapada tuan Yang Terutama Gavenor fasal pintak tuan Kida Endersen membuat pekerjaan di Kedah dan pintak saorang doktor", ms. 324.

[40] Rujuk penulisan Wan Shamsudin Mohd Yusof, Kedah Bekalkan Air Kepada Perak, *Warta Darul Aman*, Bil. 1-12 Tahun 1993, ms. 10.

[41] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, "Kepada Sultan Idris Negeri Perak pasal Haji Wan Teh Sofiah mari ke Kedah serta dengan Raja Abdul Rashid Putera Sultan Idris, ms. 74.

Hubungan Kedah-Perak turut melibatkan kerjasama dalam aktiviti pembangunan negeri. Misalnya, hal yang berhubung dengan pembinaan paip air dari Bukit Panchor (daerah Kerian, Kedah) hingga Parit Buntar (Perak) seperti yang telah dibincangkan sebelumnya. Perjanjian mengenai perkara ini telah dimeterai antara Sultan Abdul Hamid dengan Sultan Idris (Sultan Perak).[42] Melalui koleksi SSSRR 3, ditemui beberapa surat susulan mengenai perkara ini. Surat bertarikh 20 Zulkaedah 1318H (10 Mac 1901M) menyebut tentang permohonan kebenaran daripada Residen Perak untuk membersihkan paip air di Bukit Panchor dan surat bertarikh 12 Zulhijjah 1318H (1 April 1901M) menunjukkan Sultan Abdul Hamid memberi kebenaran kepada pihak negeri Perak membawa masuk pekerja untuk mencuci paip air di tempat berkenaan.[43]

Menerusi SRR, sepanjang tahun 1882 hingga 1911, dikesan kebanyakan surat-menyurat yang dikirimkan oleh kerajaan Kedah kepada Residen Perak dan Setiausaha Kerajaan Perak menyentuh tentang isu-isu sosioekonomi yang merentasi sempadan. Hal ini melibatkan bekerjasama yang erat dan pemimpin negeri saling bantu membantu dalam setiap aspek seperti perkara-perkara yang berkaitan dengan jenayah, penyaluran bekalan air, aktiviti pajakan dan lain-lain seperti mana maklumat yang tercatat dalam SRR. Malah, SRR turut mendedahkan tentang pegawai-pegawai British yang berkhidmat di Negeri-negeri Melayu terutamanya ketika membincangkan mengenai hubungan luar Kedah-British dan Kedah-Perak. Di Perak sendiri, terdapat nama-nama pegawai British yang berkhidmat seperti Sir Henry Conway Belfield (dieja dalam koleksi SRR sebagai H. Ku Noi Bilpil) sebagai pemangku Residen British Negeri Perak, Sir Frank Athelstane Swettenham (dieja dalam koleksi SRR sebagai Master Suitnam) sebagai Gabenor Besar Singapura, Tuan Rojer Sir John Pickersgill Rodger (dieja dalam koleksi SRR sebagai Tuan Rojer) Residen Negeri Perak, Charles Walter Hamilton Cochrane atau Bertram Walter Elles (dieja dalam koleksi SRR sebagai Tuan Wolker) Acting Residen Perak, J.R Drenning (dieja dalam koleksi SRR sebagai J.R. Bening) Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Allan Maclean Skinner (dieja dalam koleksi SRR sebagai Tuan Skiner) Residen Kaunselor Pulau Pinang dan lain-lain lagi. Nama-nama ini sudah tentu memberi impak besar dalam aspek hubungan luar antara Kedah dan Perak mahupun pihak British sendiri.

---

[42] Rujuk isi perjanjian menerusi penulisan Wan Shamsudin Mohd Yusof, Kedah Bekalkan Air Kepada Perak, ms. 10.

[43] *Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911)* No. 3, ms. 140-141 & 144-145.

Hubungan Kedah-Perlis-Setul

Sejarah Perlis sebagai unit politik yang terpisah daripada Kedah bermula sejak 1839 lagi. Pada masa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, Kedah telah berusaha untuk mendapatkan kembali Perlis dan Setul.[44] Mengenai Perlis, alasan Kedah ialah Raja Perlis yang pertama bukanlah keluarga pemerintah Perlis kerana mereka hanyalah pegawai kerajaan Kedah. Sultan Abdul Hamid telah menghantar Tunku Abdul Aziz dan Wan Muhammad Saman bagi merundingkan hal berkaitan dengan negeri Perlis dan Setul selepas kemangkatan Raja Perlis pada Februari 1897.[45] Walaupun catatan tentang peristiwa ini tidak ditemui melalui koleksi SRR tetapi tercatat tentang kesan-kesan daripada tindakan pihak Siam yang membawa perubahan dalam pentadbirannya.[46] Kerajaan Siam telah meletakkan Perlis dan Setul di bawah kerajaan Kedah selepas pembentukan Monthon. Sultan Abdul Hamid telah menjemput Raja Perlis iaitu Syed Sofi Syed Alwi, Tunku Abdul Rahman (Raja Setul) dan kerabat diraja serta pembesar-pembesar masing-masing termasuk para pembesar negeri Kedah untuk berada di Alor Setar pada 12 Zulhijah 1314H (13 Mei 1897M) bagi mendengar pengisytiharan yang meletakkan Perlis dan Setul di bawah pengawasan Sultan Kedah yang akan berlangsung pada 15 Zulhijah 1314H (16 Mei 1897M). Catatan tentang peristiwa ini terungkap melalui koleksi SRR seperti yang telah dibincangkan sebelum ini.[47]

Merujuk kepada hubungan sebenar antara Kedah dengan Perlis, setelah penelitian dilakukan ke atas SRR, didapati telah wujud hubungan kekeluargaan antara kedua buah negeri ini dan tidak menampakkan sebarang permasalahan dalam perhubungan mereka. Isi kandungan

---

[44] Sebelum pemerintahan Sultan Abdul Hamid, usaha untuk mendapatkan kembali Perlis telah dilakukan oleh Sultan Ahmad Tajuddin II lagi. Pemecahan negeri Kedah berlaku akibat keputusan perubahan dasar kerajaan Siam terhadap naungannya. Pada tahun 1893, Rama III telah membahagikan Kedah kepada tiga bahagian iaitu Kedah, Perlis dan Setul. Untuk keterangan lanjut, rujuk Julie Tang Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957/ History of the Kingdom of Perlis 1841-1957*, ms. 9 & 76.

[45] Wan Shamsudin Mohd Yusof, Hubungan Kedah-Perlis-Setul, *Lindungan Bulan Suara Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah*, Bil. 16 Keluaran Khas Sempena Mesyuarat Agung PSMCK Ke-48, 15 Jun 2004, ms. 5 dan Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, ms. 61.

[46] Kerajaan Siam telah membuat perubahan dalam pentadbirannya dengan memperkenalkan dasar Thesapiban (pemusatan kuasa). Pelaksanaan dasar ini menjadikan Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya Tinggi melalui Monthon Saiburi yang berkuasa mengawasi negeri Perlis dan Setul mulai 1897 hingga 1905.

[47] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 346-350. Surat-surat daripada Sultan Abdul Hamid ini dicatatkan pada 1, 2 dan 4 Zulhijjah 1314H (2, 3 dan 5 Mei 1897M) yang ditujukan kepada Raja Perlis, Raja Setul, Tunku Yaakob, Wan Abdullah serta surat kiriman daripada Wan Abdullah kepada Tunku Mohamad Saad, Wan Ahmad dan Syed Osman untuk menghadiri majlis 'membaca surat tera'.

surat-menyurat yang melibatkan keduanya banyak membincangkan isu dan penyelesaian kepada masalah yang timbul sama ada melibatkan aspek pentadbiran mahupun aspek sosioekonomi antara kedua buah negeri. Misalnya, surat yang dikirimkan kepada Raja Perlis pada 2 Muharam 1313H (24 Jun 1895M) menyebut tentang kecurian lembu[48] dan kerbau[49] yang melibatkan rakyat Perlis. Sultan Kedah meminta kerjasama daripada Raja Syed Ahmad untuk menyiasat kes ini. Begitu juga dengan kes melarikan isteri orang yang melibatkan rakyat kedua-dua buah negeri. Surat bertarikh 29 Jamadilawal 1306H (31 Januari 1889M) merekodkan aduan daripada Raja Perlis tentang seorang rakyat Kedah bernama Mat Aji yang telah membawa lari seorang wanita Perlis bernama Sharifah Mat Yusof.[50] Kes ini berjaya diselesaikan dan pesalah berkenaan dihantar kembali ke Perlis.

Selain situasi ini, SRR juga memaparkan tentang surat-surat yang dikirimkan oleh pihak Siam kepada Perlis dan Setul akan melalui Kedah terlebih dahulu. Kemudian, pihak Kedah akan menghantar pula surat iringan bersama-sama dengan surat-menyurat daripada pihak Siam kepada Raja Perlis dan Raja Setul. Melalui surat kiriman bertarikh 13 Rabiulawal 1306H (17 November 1888M), tertera maklumat yang mengarahkan pihak Kedah menyerahkan surat kiriman yang berbahasa Siam dari Tongka (Phuket) kepada Perlis dan Setul.[51] Sebenarnya, masih terdapat surat-surat lain yang dapat membuktikan bahawa melalui SRR, sejak tahun 1888 Kedah telah memainkan peranannya sebagai negeri perantaraan antara Siam dengan Perlis dan Setul sebelum pembentukan Monthon pada tahun 1897.

Sebenarnya terdapat pelbagai maklumat lain yang menunjukkan hubungan akrab wujud antara Kedah dengan Perlis. Walaupun dikatakan penyatuan Kedah, Perlis dan Setul telah berlaku pada tahun 1897 tetapi penyatuan berkenaan membawa konflik sesama mereka. Perlis sendiri tidak mengakui ketetapan yang setiap urusan pentadbiran mereka perlu melalui Kedah dahulu. Malah, pihak Siam sendiri tidak melakukan sebarang teguran atau tindakan kerana takut campurtangan pihak luar ke atas Perlis. Penyatuan Kedah-Perlis-Setul di bawah Monthon juga

[48] *Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 1
[49] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, ms. 1. Surat yang dikirimkan kepada Syed Ahmad pada 1 Muharam 1306H (1888M).
[50] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, ms. 49.
[51] *Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, "Rencana surat beri kepada Raja Perlis daripada fasal antar pergi surat konsol beri mari dua pucuk surat mari daripada Tongka beri kepada Prak Nurek pintak ia sampaikan kepadanya", ms. 19.

memberi impak negatif kepada perhubungan mereka. Pelantikan Ku Baharuddin Ku Meh (Ku Din Ku Meh) sebagai Penolong Pentadbir Setul bukanlah mendekatkan lagi Kedah dengan Setul, malah menjadikan keadaan semakin renggang. Akibat perbuatan Ku Din yang membelakangkan Kedah dalam setiap urusan dan bertindak melaporkan hal-hal pentadbiran secara terus ke Bangkok menyebabkan pihak Kedah tidak dapat berbuat apa-apa. Ku Din sendiri melantik dirinya sebagai Pesuruhjaya Setul pada tahun 1907.[52] Dikatakan pihak Siam tidak melakukan sebarang tindakan kerana bimbang jika tekanan dibuat ke atas Setul, kemungkinan berlaku campurtangan kuasa asing. Walaupun Setul digambarkan sedemikian selepas 1900-an tetapi menerusi SRR, didapati hubungan Kedah dengan Setul adalah erat.

Kerjasama antara Kedah dan Setul berlaku dalam keadaan baik dan saling berutus surat bagi mengingatkan antara satu sama lain. Malah, sepertimana Perlis, Setul juga sering menerima surat-menyurat daripada pihak Siam melalui Kedah terlebih dahulu.[53] Soalnya, mengapa Kedah dijadikan negeri perantaraan sedangkan sebelum 1897, Kedah, Perlis dan Setul belum lagi disatukan sebagai Monthon? Malah, pihak British juga bertindak sedemikian jika terdapat sebarang urusan berkaitan dengan Perlis dan Setul. Buktinya, terdapat beberapa pucuk surat kiriman yang ditujukan kepada pihak Perlis dan Setul melalui Kedah tentang kedatangan 'Duke of Connaught' dan isterinya ke Pulau Pinang. Malah, kandungan surat bertarikh 24 dan 28 Rejab 1307H (15 dan 19 Mac 1890M) menunjukkan pemerintah negeri Kedah menulis sepucuk surat iringan bagi menyatakan tujuan surat-surat yang diterima dari residen Pulau Pinang ketika itu (Allan Maclean Skinner, Residen Kaunselor Pulau Pinang 1887–1897).[54] Sekiranya Kedah dikatakan 'rapat' dengan Setul dan Perlis, mengapa pada masa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, Kedah telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kembali Setul dan Perlis? Hubungan yang rapat antara Kedah dengan Perlis dan Setul juga berkait rapat dengan hubungan persaudaraan yang telah lama wujud. Pemerintah dari Perlis dan Setul datangnya dari

[52] Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, ms. 62-67 dan Wan Shamsudin Mohd Yusof, Hubungan Kedah-Perlis-Setul, ms. 6.

[53] Antara surat-menyurat yang membuktikan Kedah sebagai negeri perantaraan ialah surat yang bertarikh 25 Safar 1307H (20 Oktober 1889M) dan 24 Rejab 1307H (15 Mac 1890M) dalam *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, 80 & 99.

[54] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, ms. 99-101. Surat kiriman kepada Raja Perlis pada 28 Rejab 1307H (19 Mac 1890M)

Kedah dan masing-masing mempunyai hubungan erat dengan pihak istana Kedah.[55] Dengan demikian, atas pertimbangan bahawa Kedah memiliki hubungan istimewa dengan kedua-dua kerajaan berkenaan, maka pada pandangan pihak asing, kerajaan Kedah adalah negeri yang sesuai sebagai negeri perantaan untuk menyampaikan sebarang maklumat penting kepada Perlis dan Setul.

Hubungan Kedah dengan Wilayah-Wilayah Siam

Berdasarkan SRR, ternyata wujud hubungan rapat antara kerajaan negeri Kedah dengan beberapa wilayah Siam seperti Singgora, Yala, Raman dan Patani. Kebanyakan surat-surat kiriman yang menyentuh tentang wilatah-wilayah Siam ini diperoleh daripada koleksi SSKRR 2. Pelbagai isu yang merentasi sempadan dibincangkan melalui surat-surat yang diutuskan daripada pihak Kedah kepada wilayah-wilayah berkenaan. Kedah turut mempunyai hubungan diplomatik dengan wilayah Singgora (Songkhla) yang merupakan sebahagian daripada wilayah Siam. Pelbagai isu menjadi medan perbincangan antara pihak Kedah dengan Singgora menerusi surat-menyurat yang terkandung dalam koleksi SRR.

Selain peranan Singgora sebagai bandar pelabuhan persinggahan utama untuk rombongan sultan atau para pembesar daerah sebelum menaiki kapal menuju ke Bangkok,[56] Singgora juga berperanan sebagai transit bagi penghantaran bunga emas dan bunga perak dari Kedah, Perlis dan Setul ke Bangkok.[57] Hal ini terbukti melalui surat bertarikh 6 Rabiulawal 1315H (4 Ogos 1897M) yang menyebut tentang kiriman bunga emas ke Singgora[58] dan peristiwa ini berlaku

[55] *Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888* No. 1, ms. 99. Pemerintah Perlis adalah Tunku Dhiauddin adalah Raja Muda dan putera kepada Sultan Muhammad Jiwa II (1710-1778) dari Kedah. Manakala pemerintah Setul pula ialah Tunku Bisnu dan beliau adalah adinda kepada Sultan Ahmad Tajuddin II. Tunku Bisnu dilantik atas kehendak Maharaja Siam sendiri. Oleh demikian, sememangnya wujud hubungan erat antara Kedan dengan Perlis dan Setul. Rujuk Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, ms. 60-61 & 63.

[56] SRR turut mencatatkan tentang peranan Singgora sebagai destinasi persinggahan rombongan Sultan Abdul Hamid sebelum mereka ke Bangkok. Buktinya, melalui surat bertarikh 5 Safar 1313H (27 Julai 1895M) mencatatkan tentang arahan Sultan Abdul Hamid kepada Tunku Yaakob agar beliau menyediakan sepuluh ekor gajah dan 50 puluh orang pengiring bagi mengiringi baginda dari Singgora ke Bangkok. Che Mohd Hassan Kerani Mohd Ashad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman*, ms. 116 & 122 dan *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 12 & 17.

[57] Sebelum ini Kedah berurusan dengan pihak Siam melalui Raja Ligor tetapi selepas kematian raja berkenaan pada 1839, hak tersebut diserahkan kepada Raja Singgora pula. Lihat, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Hubungan Kedah-Siam Melalui Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 40, 2012, ms. 10.

[58] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 397.

semasa Sultan Abdul Hamid berada dalam kegeringan. Tunku Abdul Aziz sebagai Raja Muda bertanggungjawab memastikan bunga emas dikirimkan mengikut jadual yang sepatutnya.

Berdasarkan SRR, dikesan Kedah sentiasa berhubung baik dan sentiasa membantu wilayah Singgora, begitu juga dengan Singgora. Buktinya, Singgora membantu menangkap dan menyerahkan seorang pesalah berbangsa Cina untuk dibicarakan di Kedah. Begitu juga dengan pihak Kedah yang berusaha menjaga hubungan baik sesama mereka. Misalnya, surat kiriman bertarikh 24 Syaaban 1313H (8 Februari 1896M) menyebut tentang bantuan yang diberikan oleh pihak Kedah dengan mengirimkan beberapa pucuk surat 'projek' kepada konsul Siam di Pulau Pinang.[59] Selain hubungan yang melibatkan soal sosial, Kedah juga pernah menjadikan Singgora sebagai tempat untuk membeli gajah untuk tunggangan golongan atasan. Walaupun urusan pembelian ini tidak dijelaskan dengan terperinci melalui sepucuk surat yang bertarikh 3 Syaaban 1313H (18 Januari 1896M) tetapi isi kandungannya menunjukkan perkara ini berlaku di Singgora. Syed Muhamad berserta sekumpulan rakyat diarahkan oleh Sultan Abdul Hamid untuk melaksanakan tanggungjawab ini.[60]

Selain Singgora, hubungan luar Kedah juga berkait rapat dengan wilayah Siam yang lain iaitu Raman.[61] Uniknya, beberapa pucuk surat yang dikirimkan kepada Raja Raman, terdapat kata-kata pujian yang agak panjang berbanding dengan surat-surat yang dikirimkan kepada pihak Siam di Bangkok ataupun wakilnya di Pulau Pinang termasuk surat kiriman kepada pihak British. Kata-kata pujian sedemikian hanya ditemui pada surat-surat yang dikirimkan kepada Sultan Perak dan Raja Yala. Ini menunjukkan bahawa betapa eratnya hubungan antara kedua pihak. Contohnya, surat bertarikh 16 Syawal 1313H (30 Mac 1896M) menunjukkan betapa Raja Raman mengambil berat ke atas keselamatan Sultan Abdul Hamid dan rombongannya dengan mengirimkan salah seorang pegawainya untuk mengiringi baginda sehingga sampai ke Kedah. Sultan Abdul Hamid membalas surat bagi menyatakan ucapan terima kasihnya kepada Raja

---

[59] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 57.
[60] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 52.
[61] Dari segi sejarah, setelah Patani ditakluk pada tahun 1785 dan di bahagi-bahagikan pada tahun 1816, kerajaan ini kehilangan kedaulatannya secara pelahan-lahan. Pemerintah Siam sentiasa berusaha dari semasa ke semasa, melalui pelbagai cara, mengenakan cengkaman ke atas Patani. Siam bertindak membahagikan Patani kepada tujuh buah negeri kecil iaitu Patani, Nongchik, Legeh, Jalor, Raman, Jambu dan Jering. Raman yang terletak di selatan Siam merupakan salah satu daripada tujuh wilayah berkenaan. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, (Alor Setar: Pustaka Darussalam, 1994), ms. 67-69.

Raman.[62] Pihak kerajaan Kedah juga sentiasa berusaha mengukuhkan hubungannya dengan wilayah Raman.

Selain itu, Raja Muda Kedah iaitu Tunku Abdul Aziz juga pernah mengirimkan sepucuk surat untuk meminta pertolongan daripada Raja Raman. Kandungannya menyatakan tentang hasrat beliau agar Raja Raman dapat mencari seorang bomoh bagi mengubati Sultan Abdul Hamid.[63] Tidak dapat dipastikan sama ada Raja Raman berusaha mencari seorang bomoh atau tidak tetapi terdapat sepucuk surat yang bertarikh 7 Rabiulawal 1314H (15 Ogos 1896M) menyatakan tentang kedatangan dua orang bomoh yang bernama Mekong Mali dan Lebai Wan Him ke Kedah untuk mengubati Sultan Abdul Hamid yang sedang gering.[64] Pemerintahan negeri Kedah terganggu apabila Sultan Abdul Hamid jatuh gering dalam tempoh 14 tahun sejak 1895 hingga 1909. Masalah kesihatan baginda ini menyebabkan kuasa pemerintahan Kedah dipangku oleh Tunku Abdul Aziz bersama Perdana Menteri Kedah iaitu Wan Muhammad Saman.

Menyentuh tentang hubungan antara Kedah-Yala ini, SRR turut mengandungi beberapa surat kiriman daripada pihak Kedah yang membincangkan pelbagai isu antara kedua belah pihak. Adakalanya bertujuan menyelesaikan masalah-masalah yang sering berlaku di Yala atau sebaliknya yang membabitkan rakyat kedua-dua buah kerajaan. Surat kiriman bertarikh 2 Rabiulawal 1314H (10 Ogos 1896M) mencatatkan tentang aduan daripada rakyat Yala bernama Kun Rung Mahani tentang kecurian gajah-gajahnya.[65] Kemudiannya, ditemui pula surat bertarikh 7 Rabiulawal 1314H (15 Ogos 1896M) yang menyebut tentang orang yang bernama Dollah dijatuhkan hukuman kerana bersalah mencuri gajah milik rakyat Yala.[66] Melalui surat kiriman bertarikh 13 Syaaban 1314H (21 Ogos 1896M), didapati berlaku kecurian dalam wilayah Yala sendiri dan kerbau yang dicuri, dijual pula dalan negeri Kedah. Namun, atas dasar hubungan erat antara kedua buah kerajaan maka pemerintah Kedah menyiasat kes ini. Menerusi

---

[62] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 63-65.
[63] Surat ini dikirimkan pada 19 Muharram 1314H (29 Jun 1896M). Rujuk *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 102.
[64] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, "Surat Raja Muda beri kepada Raja …. pasal antar balik bomo yang mari mengubatkan Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia gering itu adanya tamat", ms. 121.
[65] Dipercayai gajah-gajah berkenaan berada bersama dengan pemilik gajah di Mukim Kupang yang bernama Dollah. Hal ini diarahkan oleh Tunku Abdul Aziz kepada Wan Muhammad Saman untuk menyiasat perkara berkenaan.
[66] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 118 & 120.

SRR, kes-kes berkenaan berjaya selesai.[67] Mungkin inilah caranya bagi Kedah mengekalkan kedaulatan negeri melalui hubungan luar berbaik-baik dengan negara jiran.

Keturunan raja-raja Melayu pada zaman Melaka, Pahang, Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu mempunyai hubungan dengan keluarga diraja Patani.[68] Hal ini membuktikan bahawa hubungan antara Kedah dengan Patani telah lama terjalin dan kedua-dua kerajaan ini berjiran. Menerusi penelitian ke atas SRR, didapati surat bertarikh 19 Muharram 1314H (29 Jun 1896M) mencatatkan tentang Tunku Abdul Aziz meminta pertolongan daripada pemerintah Patani untuk mencari seorang bomoh bagi mengubati penyakit Sultan Abdul Hamid.[69] Permintaan Tunku Abdul Aziz tidak sia-sia kerana kerajaan Patani telah menghantar empat orang bomoh untuk merawat Sultan Kedah. Hal ini didedahkan melalui surat bertarikh 7 Rabiulawal 1314H (15 Ogos 1896M) yang jelas menunjukkan Tunku Abdul Aziz sebagai wakil pemerintah Kedah berterima kasih atas pertolongan yang diberikan oleh pihak Patani.[70]

Surat-menyurat yang diutuskan antara pihak Kedah dengan beberapa wilayah-wilayah Siam seperti dalam perbincangan sebelumnya jelas menunjukkan bahawa kedua-dua pihak sentiasa mengharapkan kerjasama antara satu sama lain. Pelbagai isu menjadi perantaraan kepada pengukuhan hubungan dua hala. Berdasarkan penelitian menerusi koleksi SRR, maklumat menunjukkan pihak Kedah sentiasa berhubung baik dalam membantu menyelesaikan pelbagai persoalan walaupun dalam hal-hal yang kurang penting.

---

[67] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 261-262.

[68] Pada 10 Mac 1909 berlangsung Perjanjian Sempadan yang telah membentuk sempadan antarabangsa sepanjang 350 batu dalam peta moden sekarang ini. Negeri-negeri Melayu di bahagian utara dipisahkan, Kedah di bawah naungan British manakala Patani berada di bawah Siam. Namun, hubungan persaudaraan antara kedua buah kerajaan ini masih utuh dan kerajaan Kedah sentiasa berhubung sama ada melalui lawatan ataupun menerusi surat-menyurat. Hal ini terbukti apabila beberapa pucuk surat ditemui menerusi koleksi SRR. Lihat Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, (Alor Setar: Pustaka Darussalam, 1994), ms. 4 dan Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, ms. 63-64, 69 & 89.

[69] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 104.

[70] *Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895* No. 2, ms. 122.

KESIMPULAN

SRR dapat memberi gambaran dan maklumat kepada kita berkaitan hubungan Kedah dengan kuasa luar yang banyak mewarnai proses perkembangan dan pembangunan negeri Kedah. Kedudukan Kedah di bawah dua kuasa asing turut mempengaruhi sikap Sultan Abdul Hamid dan pembesar negeri lain untuk sentiasa berhati-hati membuat sebarang dasar atau keputusan dalam menghadapi dunia imperialisme dan kolonialisme.[71] Kecekapan dan keadaan sistem pentadbiran Kedah yang teratur serta ketaatsetiaannya kepada Siam menyebabkan Bangkok sedia memberi sokongan yang bermakna kepada golongan memerintah Kedah.[72] Demikianlah yang dilakukan oleh Sultan Abdul Hamid bagi memastikan kedudukan baginda tidak tergugat dengan mana-mana pihak yang hadir dalam pemerintahannya.

Hubungan luar diperkukuhkan dengan hubungan diplomatik melalui beberapa siri lawatan yang banyak memberi manfaat kepada pentadbiran dan keamanan negeri Kedah. Keadaan inilah yang diperlukan oleh Sultan Abdul Hamid dan pembesar Kedah yang lain agar kedaulatan Kedah terus terpelihara. Koleksi SRR memberikan pelbagai maklumat penting berhubung kait dengan aspek politik luaran Kedah. Peranan yang dimainkan oleh pemerintah negeri Kedah sememangnya membolehkan kerajaan negeri Kedah terus membangun mengikut acuan tempatan walaupun pihak Siam dan British berusaha menguatkan cengkaman ke atas Kedah.

---

[71] Khoo Kay Jin, Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme: 1880-1909, dlm. Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (pengr.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1990), ms. 178-190.

[72] Kobkua Suwannathat-Pian, Hubungan Siam-Kedah: Penstabilan Pentadbiran Tradisional Kedah Pada Abad Ke-19, dlm. *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Jawatankuasa Kolokium, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), ms. 120.

RUJUKAN

SUMBER PERTAMA

Dokumen

CO 273/333 British Consulate Kedah 17.7.1907 dan Death of Raja Muda of Kedah.

CO 273/351 Abolition of Forced Labour in Kedah (7 Nov 1909 & 18 Nov 1909), Addition of Forced in Kedah (16 Sep 1909) dan Offering of Bunga Emas, Kedah.

Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1313 T.M 1895 No 2.

Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911) No. 3.

Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 2.
T.H.1304-1305H/1886-1887M.

Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 5.
T.H.1308-1313H/1890-1895M.

Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888 No. 1.

SUMBER KEDUA

Artikel / Buku

Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Pustaka Darussalam, Alor Setar, 1994.

Che Mohd Hassan Kerani Mohd Ashad, *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman*, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis.

Ismail Hj Saleh, Negeri Kedah di Zaman Pembaharuan Pemodenan dan Pembangunan, *S175*, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/ Perlis.

Jin, Khoo Kay, Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme: 1880-1909, dlm. Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (pengr), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara Lain*, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1990.

Kobkua Suwannathat-Pian, Hubungan Siam-Kedah: Penstabilan Pentadbiran Tradisional Kedah Pada Abad Ke-19, dlm. *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Jawatankuasa Kolokium, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991.

Kobkua Suwannathat-Pian, Kedah-Siamese Correspondence 1890-1898, *JMBRAS*, Vol. 55, Part 1, 1982.

Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.

Mohd Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis Zaman Penjajahan British*, Utusan Publications Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2001.

Mohd Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 2002.

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Hubungan Kedah-Siam Melalui Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 40, 2012.

Mustaffa Tam & Tunku Nong Jiwa, The Last Kedah Bunga Emas, *Journal of the Malaysian Historical Society*, Volume 22, 1979.

Nik Haslinda Nik Hussain, Undang-Undang Tanah di Kelantan, 1881-1941: Kesannya Terhadap Sistem Hak Milik Tanah Orang Melayu, dlm. *Kelantan: Dahulu dan Sekarang*, (ed.) Abdullah Zakaria & Zahir Ahmad, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 2007.

Sharom Ahmat, *Tradition and Change in A Malay State: A Study of the Economic and Political Development 1878-1923*, Monograph No. 12, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Tang, Julie Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957/ History of the Kingdom of Perlis 1841-1957*, MBRAS, Monograph No. 32, 2002.

Wan Shamsudin Mohd Yusof, Kedah Bekalkan Air Kepada Perak, *Warta Darul Aman*, Bil. 1-12 Tahun 1993.

Zamberi A. Malek, *Patani dalam Tamadun Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1994.

Latihan Ilmiah / Disertasi / Tesis

Kobkua Suwannathat-Pian, Thai-Malay Relations: A Study of Tradisional Intra-Regional Relations From the 17th to the Early 20th Century, Degree of Doctor of Philosophy, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1986.

Zaini Mariah, Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid T.H 1323-1325 / T.M 1905-1907 (No. 10), Sebagai Sumber Kajian Politik dan Pentadbiran Kedah Sezaman, HSM 411 Dokumen-Dokumen dalam Sejarah Malaysia, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1993.